Headline	Mengapa TNB sanggah Suruhanjaya Tenaga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	845 cm²	Journalist	Johardy Ibrahim
PR Value	RM 50,562		

Mengapa TNB sanggah Suruhanjaya Tenaga?

ANALISIS EKONOMI

Oleh JOHARDY IBRAHIM
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 JULAI

DUA hari sebelum sambutan Aidilfitri, negara dikejutkan dengan tindakan nekad Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memulakan proses perundangan terhadap Suruhanjaya Tenaga, suatu tindakan yang sememangnya luar biasa. Sejauh yang diketahui hari ini, TNB akan meneruskan hasrat menyaman tersebut, termasuk terhadap Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi membatalkan arahan untuk meneruskan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan YTL Power International Bhd. (YTL Power).

Sesuatu yang tidak pernah berlaku selama ini, lebih-lebih lagi membabitkan TNB sebagai syarikat utiliti negara, ternyata mengejutkan pemain industri dan pihak berwenang. Mengapa TNB bertindak demikian?

Isu ini memerlukan kita menyorot sejarah kewujudan entiti penjana tenaga bebas (IPP) yang bermula pada 1992 di seluruh negara. Satu daripadanya menyaksikan TNB terpaksa menyerahkan 'secara sementara' tanah miliknya di Paka, Terengganu. Tanah tersebut telah dibeli oleh TNB bertujuan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran tenaganya.

YTL Power membina loji tenaganya di Paka setelah memeterai PPA selama 21 tahun, dengan kepentingan pemilik tanah iaitu TNB tidak akan terjejas. PPA itu tamat pada 30 September 2015. Semua pihak menerima persefahaman tersebut. Dan kini TNB mahu haknya dikembalikan. Fakta ini mudah difahami.

Namun ia menjadi latar belakang pergeseran yang berlaku antara TNB dan YTL Power. Ia menjadi tajuk berita utama, malah dipolitikkan.

STESEN Janakuasa Sultan Ismail di Paka, Terengganu yang dikendalikan oleh YTL Power International.

info

FAKTA KES:

- TNB mahu saman Suruhanjaya Tenaga untuk batalkan arahan lanjutkan PPA.
- Suruhanjaya Tenaga didakwa mahu TNB batalkan syarat baharu di dalam PPA.
- Tanah di Paka adalah milik TNB tetapi disewakan kepada YTL mengikut PPA yang telah ditandatangani sebelum itu.
- TNB enggan teruskan PPA selagi LLA baharu itu tidak ditandatangani.
- Jika gagal di dalam tindakan undang-undangnya, TNB berisiko didenda sehingga RM200,000 kerana ingkarkan Suruhanjaya Tenaga.

Hakikatnya kata penganalisis industri, isu itu hanya berkisar mengenai PPA yang sudah tamat. Bila arahan pihak berkuasa untuk melanjutkan PPA selama tiga tahun lagi, TNB sebagai entiti kerajaan tentunya perlu patuh. Pada masa sama, status tanah itu terus menjadi persoalan.

Difahamkan, TNB telah mengenakan syarat Condition Precedents (CP) ke atas tanah itu agar ia dikembalikan kepadanya selepas tamat lanjutan tiga tahun pada 28 Februari 2018. Penganalisis industri juga bersependapat butiran syarat-syarat dalam Perjanjian Pajakan Tanah itu tidak menyebelahi TNB.

Jadi, benarkah TNB sangat keberatan untuk melaksanakan arahan Suruhanjaya Tenaga agar melaksanakan PPA terbaharu tersebut? Kemungkinan itu ada tetapi bukan berpunca daripada TNB.

Sebaliknya pihak lain yang sehingga kini, tidak menandatangani PPA baharu berkenaan.

Menurut beberapa pihak yang mengetahui mengenai perteleng-kahan tersebut, Suruhanjaya Tenaga didakwa 'telah mengarahkan' TNB untuk membatalkan terma CP daripada PPA.

Penganalisis industri mempersoalkan perkara ini yang melihat suruhanjaya seakan tidak konsisten dalam soal mengembalikan pemilikan tanah kepada TNB selepas 28 Februari 2018.

Bila ini berlaku, bagaimanakah TNB boleh mendapatkan keadilan daripada suruhanjaya?

Inilah faktornya TNB terpaksa beralih kepada tindakan perundangan di mahkamah. Apa yang ketara, dengan arahan khusus daripada suruhanjaya agar memadamkan terma CP itu, ia telah menekan TNB dengan ancaman tindakan pemenjaraan seandainya syarikat utiliti itu tidak mematuhi arahan.

Pada masa yang sama, kemelut berkaitan stesen Paka berpotensi menjejaskan bekalan elektrik ke seluruh negara. Difahamkan 'amaran jingga' telah dikeluarkan kepada peserta industri pada 1 Jun lalu.

Mengimbas tahun 2014, terdapat cubaan untuk memulakan rundingan untuk melanjutkan PPA tersebut.

Ia didorong oleh kebimbangan stesen janakuasa Tanjung Bin 1,000 mW berasaskan arang batu tidak siap menjelang November 2016.

Namun, stesen itu berjaya beroperasi pada Mac lalu. Satu lagi stesen janakuasa besar menggunakan arang batu, Manjung Unit 4, beroperasi pada 2015 dan ia telah mengukuhkan kestabilan pembekalan tenaga elektrik di negara ini.

Tambah menyakinkan, dua stesen Kitaran Gas Digabungkan (CCG) iaitu Connaught Bridge (375 mW) dan Prai (1,071 mW) juga telah beroperasi tahun ini.

Berdasarkan analisis ini, ramai yang akan bertanya apakah yang menyebabkan PPA yang mengandungi syarat mengembalikan hak tanah itu kepada TNB pada 18 Februari 2018 tidak ditandatangani?

Kita lihat nanti apa yang akan berlangsung dalam mahkamah undang-undang tidak lama lagi, jika TNB meneruskan hasratnya.

STESEN Janakuasa Sultan Azlan Shah, Manjung, Perak milik TNB yang berasaskan arang batu.

Powered by: isentia